

Malaysia berpotensi jadi hab pendidikan antarabangsa



DR. ZULKIFLI A. HASAN

LEBIH 200 peserta menyertai Forum Naib Canselor (VCF) yang diadakan sempena Persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Komanwel (CCEM) ke-17 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Sambutan yang menggalakkan daripada 70 orang Naib Canselor (NC) dari luar negara dan 22 orang NC tempatan adalah di luar jangkaan pihak pengatur.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, **Datuk Dr. Zulkifli A. Hasan** berkata, ini kerana pada awalnya hanya 178 peserta mendaftar untuk menyertai forum itu yang diadakan bagi membincangkan pelbagai isu mengenai pendidikan tinggi di dunia.

"VCF sempena Persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Komanwel (CCEM) ke-17 ini merupakan yang pertama kali diwujudkan sejak CCEM dimulakan pada 1959 dan ia merupakan usaha kerajaan Malaysia yang mengusulkannya pada CCEM ke-16 di Cape Town, Afrika Selatan tiga tahun lalu.

"Secara keseluruhannya, VCF mendatangkan banyak faedah dan signifikan kepada kita kerana menerusi VCF ini, Malaysia bukan sahaja hendak mempromosi kumpulan amalan terbaik dalam pengurusan, pentadbiran dan hubungan universiti dengan masyarakat tetapi juga kemudahan



SEBAHAGIAN pelajar asing membaca terjemahan al-Quran mengikut bangsa sendiri di Perpustakaan Utama Kampus UIAM, Gombak, Selangor.

pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa," katanya.

Menurutnya, ekoran sambutan menggalakkan itu pihak Sekretariat CCEM akan menjadikan forum itu sebagai salah satu program tetap dalam CCEM pada masa depan memandangkan banyak faedah boleh diperoleh hasil perbincangan VCF itu.

Beliau berkata, antara isu-isu yang dibangkitkan baru-baru ini ialah kemasukan ke pengajian tinggi, jaminan kualiti kursus, yuran pengajian, penyelidikan dan peranan universiti dari segi latihan.

Menyentuh tentang sektor pengajian tinggi di negara ini, Dr. Zulkifli berkata, biarpun kos yuran pengajian di Malaysia menawarkan harga 'dunia ketiga' namun, kualitinya diiktiraf bertaraf 'kelas pertama dunia' oleh negara-negara maju.

"Selain polisi kerajaan, keadaan negara yang stabil, makmur dan selamat merupakan antara faktor mendorong pelajar asing tertarik melanjutkan pengajian di Malaysia.

"Ini terbukti apabila sehingga Februari tahun ini, terdapat seramai 31,000 pelajar asing di negara ini dengan sebahagian besar belajar di institusi pengajian tinggi awam dan

swasta (IPTA/S) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mempunyai pelajar asing paling ramai yang mewakili sebanyak 30 peratus," katanya.

Malah, katanya Malaysia juga dikenal pasti sebagai satu daripada 10 negara yang mempunyai pelajar antarabangsa teramai selepas United Kingdom, Australia, New Zealand, Singapura dan sebagainya.

Mengikut rekod kementerian, katanya, pada tahun 2003, Malaysia mempunyai 23 peratus pelajar dari negara-negara Komanwel manakala tahun 2007 ia meningkat kepada 31 peratus.

Katanya, peningkatan itu menunjukkan kualiti pendidikan tinggi Malaysia semakin mendapat kepercayaan negara-negara Komanwel.

"Usaha Malaysia untuk menjadi antara hab pendidikan antarabangsa menampakkan positif apabila lima universiti iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia berada dalam kedudukan antara universiti terbaik untuk dua kategori iaitu Top 500 universiti terbaik dalam ranking global dan top 100 universiti terbaik dalam ranking Asia.